



## **UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC)  
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA  
TAHUN 2023**

**11 JULAI 2023 (SELASA)**

**HATTEN HOTEL  
MELAKA**

## PENDAHULUAN

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana pada hari ini, kita semua diberi kesempatan untuk bersama-sama di Persidangan Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Senior Officer's Conference (SOC)* bagi tahun 2023 di Negeri Melaka.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada JKR Malaysia di atas undangan untuk merasmikan Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia pada kali ini. Tahniah kepada JKR Negeri Melaka kerana telah dipilih sebagai tuan rumah SOC bagi tahun 2023.
3. Besar harapan saya agar semua yang hadir dapat bersidang dengan penuh semangat, berkongsi aspirasi dan menjana idea yang terbaik, segar dan mempunyai anjakan paradigma bagi memperkasa kelangsungan perkhidmatan sebagaimana Tema Persidangan pada tahun ini iaitu **“Memacu Pembangunan Malaysia Madani”** di Bandaraya Bersejarah ini.

## **TEMA SOC 2023: ‘MEMACU PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI’**

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan, hadirin yang dihormati sekalian

### **NARATIF MADANI**

4. Matlamat kerajaan adalah untuk merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang **Mampan**, **sejAhtera**, **berDaya cipta**, saling menghormAti, **keyakinNan** yang erat dengan amanah dan tanggungjawab serta bersikap **Ihsan** diantara satu sama lain. Kata kunci visi ini adalah **MADANI** yang pada asasnya merupakan kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat atas dasar ketelusan dan kerjasama. Ia mengiktiraf hak setiap warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk hidup dalam persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada kesejahteraan.

Hadirin yang saya hormati,

### **PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI MELALUI DASAR-DASAR KEMENTERIAN KERJA RAYA.**

5. Prestasi sektor pembinaan secara keseluruhannya sering diukur melalui keupayaan menyiapkan projek berkualiti dalam suatu jangka masa tertentu dan mengikut peruntukan dan skop kerja yang ditetapkan. Oleh itu, sektor pembinaan secara amnya perlu bergerak maju ke hadapan dan bersedia untuk transformasi baharu sejajar dengan nilai

wadah Malaysia Madani. Sehubungan itu, dasar-dasar yang telah dibangunkan oleh KKR adalah seperti :

- a. Pelan Strategik Organisasi (PSO) 2021-2025
- b. Dasar Pembinaan Negara (*National Construction Plan*, NCP2030)
- c. Construction 4.0 Strategic Plan (2021-2025)
- d. Highway Network Development Plan (HNDP) 2030; dan
- e. Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK)

Kesemua dasar-dasar ini sekaligus telah memenuhi agenda kerangka Dasar MADANI, dengan mengambil kira penumpuan terhadap penyelesaian masalah bagi memenuhi keperluan semasa negara selain mencorak arus pembinaan negara di zaman pasca normal yang penuh cabaran ini. Usaha ini juga jelas kelihatan terutamanya bagi dasar-dasar kementerian yang akan datang seperti Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuh Raya (DPJL) dan Dasar Senggara Infrastruktur Negara (DSIN).

6. Selain itu, pihak Kementerian turut sedar bahawa pelaburan kerajaan demi mencapai tahap pembangunan infrastruktur yang selesa kepada rakyat, memerlukan kos yang sangat tinggi. Maka, JKR haruslah menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan penuh integriti serta rasa sayang dan cintakan negara agar output yang terbaik dapat dihasilkan seterusnya diterjemahkan kepada impak yang berkualiti.

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan, hadirin yang dihormati sekalian.

## **MENGAPLIKASIKAN DAYA CIPTA, INOVASI DAN KEMAMPMAN DALAM MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA.**

7. Industri pembinaan perlu mencapai tahap produktiviti tinggi melalui penerapan teknologi baharu dan amalan moden yang cekap serta tenaga kerja berkemahiran tinggi. Pelbagai tindakan serta perancangan telah dirangka bagi tujuan penyampaian perkhidmatan yang mampan dan bersepadu demi memastikan kelangsungan perkhidmatan sektor awam dapat dilaksanakan secara berterusan. Sebagai contoh, teknologi seperti Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System - IBS), pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Management - BIM), serta teknologi berdasarkan Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0) seperti robotik, automasi, data raya, Internet benda (*Internet of Thing* - IoT), realiti maya (*Virtual Reality* - VR) dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* - AI) kini dapat dikaji dan diadaptasi dalam industri pembinaan di Malaysia.
8. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada pasukan JKR di atas pelancaran jejambat Wakaf Bharu di Kelantan baru-baru ini yang merupakan projek rintis bagi pelaksanaan secara BIM yang terbukti telah menjimatkan kos pembinaan jejambat. Jejambat ini dapat disiapkan dengan kos RM97.6 juta berbanding kos asal iaitu RM105.5 juta.

9. Kesemua jenis revolusi teknologi yang ada dan ditawarkan ini hanya dapat direalisasikan dengan usaha gigih dan komitmen setiap warga kerja JKR khususnya. Syabas saya ucapkan.
10. Untuk makluman semua, KKR telah mula melaksanakan *Intelligent Transport System* (ITS) dengan mewujudkan sistem pangkalan data trafik dan pengangkutan secara masa nyata (*real time*) serta bersepada pada peringkat kebangsaan melalui usaha sama antara agensi kerajaan dan swasta menerusi platform digital bagi memastikan kadar penggunaan data trafik dan pengangkutan sedia ada digunakan secara maksimum.
11. Tidak lupa juga pelaksanaan sistem kutipan tol *Radio-Frequency IDentification* (RFID) yang kini sedang rancak digunakan buat semua kenderaan kelas 1. Untuk makluman semua juga, mulai September 2023, pelaksanaan sistem pembayaran terbuka (*Open Payment System*) akan bermula kepada sekurang-kurangnya 12 laluan lebuhraya.
12. Seperti yang diketahui umum, pelaksanaan sistem pembayaran terbuka ini merupakan persediaan awal peralihan ke arah *Multi Lane Free Flow* (MLFF) sebelum dilaksanakan sepenuhnya secara berfasa selewat-lewatnya pada suku ketiga 2024. Pelaksanaan MLFF ini juga diharapkan dapat menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di plaza tol selain memberikan kemudahan dan memastikan keselamatan semua pengguna lebuhraya terjamin.
13. Selain itu, Kementerian juga telah berjaya mengeluarkan Manual Penjanaan Perjalanan Malaysia atau dikenali MyTripGen. Manual ini

merupakan dokumen untuk kegunaan perunding trafik dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk meramal penjanaan trafik (*traffic forecasting*) daripada sesuatu pembangunan guna tanah baharu atau penambahan pembangunan sedia ada di dalam sesuatu kawasan yang dijadikan kajian asas penyediaan Laporan Penilaian Kesan Lalulintas (TIA). Malah, MyTripGen juga menjadi rujukan utama kepada DBKL di dalam kawalan perancangan melalui Laporan TIA yang perlu dikemukakan oleh pemaju semasa peringkat kelulusan Perintah Pembangunan (Development Order). Ini dapat membantu pihak DBKL melaksanakan perancangan dengan mengambilkira kemampuan jaringan lalulintas dan kesesakan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Hadirin yang saya hormati,

## **INFRA RAKYAT MENERUSI BELANJAWAN MADANI TAHUN 2023**

14. Usaha membangunkan infrastruktur negara juga hanya akan tercapai dengan sokongan kewangan yang utuh oleh pihak kerajaan. Belanjawan 2023 yang kini dikenali sebagai Belanjawan MADANI adalah merupakan cerminan prinsip tanggungjawab dan sistem nilai yang luhur serta mampu mendepani tantangan ekonomi global yang kini sarat dengan ketidaktentuan. Belanjawan Madani pertama yang dibentangkan pada 24 Februari 2023 yang lalu turut menyentuh berkenaan keperluan kesegeraan perubahan dan ketelusan pelaksanaan projek melalui Tekad Kedua: Reformasi Institusi dan Tatakelola Baik Bagi Memulih Kerajaan, Ikhtiar 5 – Pembaharuan Sektor Awam.

15. Dua perkara utama yang disentuh adalah berkaitan ketelusan pelaksanaan projek dan menyegerakan projek prasarana rakyat. Saya ingin menarik perhatian semua bahawa terdapat 5 perkara melibatkan isu kemalangan jalan raya telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui Belanjawan MADANI iaitu:
- a. RM 2.7 bilion untuk menyelenggarakan dan menaik taraf jalan persekutuan. Dalam masa sama, bagi melaksanakan penyelenggaraan kecil, RM 300 juta disediakan khusus untuk kontraktor G1 hingga G4.
  - b. RM 1.5 bilion juga disediakan bagi menaik taraf dan membina baharu jalan perhubungan desa serta jalan-jalan luar bandar.
  - c. RM 100 ribu untuk setiap daerah untuk membantu Jurutera Daerah (JD) menyegerakan penurapan kerosakan jalan persekutuan, seperti jalan berlubang serta pembaikan segera lain berdasarkan aduan rakyat yang diterima.
  - d. Sejumlah RM 50 juta disediakan untuk segera memasang lampu-lampu jalan khususnya di kawasan berkemalangan tinggi.; dan
  - e. Kerajaan akan meningkatkan pemberian MARRIS yang bertujuan untuk menyelenggarakan jalan negeri kepada RM 5.2 bilion. Kerajaan Persekutuan telah memberi

kelonggaran termasuk membenarkan penggunaan MARRIS untuk membaiki dan mengganti jalan, jambatan dan longkang yang rosak akibat bencana.

16. Ingin saya maklumkan di sini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) akan dilaksanakan pada akhir September manakala Belanjawan MADANI kedua pada Oktober.
17. Maka, ini sudah cukup jelas menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan untuk melakukan anjakan baharu bagi membantu rakyat dan memperkasa perkhidmatan awam. Selain itu, kita juga perlu kekal relevan dan mampu berdaya saing dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Saya percaya, melalui beberapa inisiatif yang telah kita rangka dan akan dilaksanakan tidak lama lagi, Kementerian serta Agensi akan lebih dekat dengan masyarakat serta lebih cakna dalam manangani isu-isu semasa seperti isu penyelenggaraan jalan dan lain-lain.

Hadirin- hadirat sekalian,

## **KUASA MEDIA & MEDIA SOSIAL**

18. Media sosial telah mendapat perhatian setiap peringkat umur masyarakat seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin maju. Menurut data Kementerian Komunikasi dan Digital, Malaysia mempunyai tidak kurang daripada 28 Juta pengguna media sosial, atau tidak kurang daripada 86 peratus daripada penduduk Malaysia. Ini jelas

membuktikan bahawa kemudahan capaian maklumat tanpa sempadan pada masa kini turut mempunyai impak yang besar dari segi hebahan maklumat dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

19. Suka saya memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-10 di dalam buku beliau SCRIPT – For A Better Malaysia :

*“We need the media, including social and digital media, to respect truth, fairness, and privacy and be free of bias, prejudice, and political interference.”*

Sehubungan itu, saya ingin mengajak semua yang berada di sini pada hari ini untuk terus berkongsi membuat hebahan dan menguar-uarkan penyampaian perkhidmatan yang dilaksanakan oleh JKR melalui saluran rasmi yang telah disediakan berkenaan pencapaian, aktiviti utama jabatan dan kementerian, bantuan khidmat masyarakat dan sebagainya.

20. Kita boleh membina fasiliti yang terbaik atau menyelesaikan masalah paling besar dalam dunia, tetapi jika ia tidak dihebahkan dan tidak diberitahu kepada rakyat, maka rakyat tidak akan mendapat maklumat yang tepat. Pada akhirnya, mereka juga tidak dapat menikmati manfaat inisiatif yang diusahakan oleh pasukan kementerian. Di sinilah saya tekankan, pentingnya hebahan maklumat melalui komunikasi yang berkesan. Saya berharap pasukan komunikasi kementerian dan agensi termasuk JKR akan memberi perhatian serius kepada perkara ini.

21. Dalam hal ini, antara yang boleh diberi kredit adalah peranan dimainkan Rakan KKR di media sosial, yang turut menyumbang kepada penambahbaikan kementerian terutama dalam memberikan

perkhidmatan jalan raya dan infrastruktur yang lebih baik kepada pengguna. Rakan KKR ini ibarat jambatan penghubung antara Kementerian dan masyarakat, atau lebih tepat lagi menjadi mata dan telinga tidak rasmi Kementerian dalam menyampaikan isu dan permasalahan terutama berkaitan jalan raya.

22. Ahli-ahli Rakan KKR yang terdiri daripada mereka yang aktif dalam media sosial seperti Facebook dan Twitter juga kerap membantu menguar-uarkan tindakan penyelesaian masalah yang diambil oleh KKR, selain program-program KKR di platform masing-masing. Ini secara tidak langsung boleh membantu menaikkan imej KKR iaitu dengan menghebahkan kepada masyarakat mengenai kerja-kerja yang sudah atau akan dilaksanakan Kementerian demi kebaikan semua pihak. Terima kasih saya ucapkan kepada Rakan KKR.

## **PENUTUP**

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

23. Sebagaimana yang telah disebut oleh YBhg. Datuk KPKR tadi, majlis penyampaian Anugerah Kontraktor Cemerlang (AKC) turut diadakan sempena SOC JKR Malaysia. Oleh itu mengambil kesempatan di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kontraktor yang berjaya. Adalah diharapkan kejayaan ini menjadi contoh dan inspirasi kepada kontraktor lain untuk terus cemerlang bersama-sama JKR dalam pembangunan negara.

24. Sekalung tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Pengurusan Tertinggi JKR Malaysia, pihak urus setia dan tidak lupa juga kepada semua pemamer yang menyertai SOC 2023. Terima kasih di atas komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua.
25. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin tekankan agar gunakanlah platform persidangan ini sebaik-baiknya untuk berkongsi idea, bertukar pendapat demi memperkuat dan memperhebatkan lagi perkhidmatan JKR agar disegani di mata dunia. Saya yakin JKR akan terus kekal relevan untuk tahun-tahun yang mendatang dan terus diperlukan oleh pihak pelanggan, demi membina infrastruktur negara dalam usaha memacu pembangunan Malaysia yang MADANI.

*Wishing everyone a productive and successful conference.*

Dengan ini dengan sukacitanya saya merasmikan Persidangan Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2023.

Sekian, terima kasih.